BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref No.: 03/08/07

EMBARGO: Untuk siaran segera, pada hari Rabu, 26 Mac 2008

SIARAN AKHBAR

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2007

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2007 meliputi penilaian Bank Negara Malaysia terhadap risiko dan trend utama dalam sistem kewangan, dan implikasi yang mungkin wujud terhadap keteguhan fungsian sistem ini. Laporan ini juga meninjau perkembangan yang berkaitan dengan transformasi sektor kewangan dan sistem pembayaran, di samping inisiatif utama pengawalan dan penyeliaan yang telah diambil untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Laporan ini bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan sistem kewangan.

Penilaian Risiko dan Prospek Kestabilan Kewangan

Sistem kewangan Malaysia terus mampan sepanjang tahun 2007 walaupun menghadapi persekitaran luar yang mencabar ekoran kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), tekanan inflasi global yang semakin meningkat, amalan menghindari risiko oleh peserta pasaran yang kian nyata, dan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Walaupun kesan krisis subprima AS terhadap sesetengah pasaran

adalah meluas, kesannya tidak banyak menjejaskan keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan domestik, dan operasi, keberuntungan serta kesolvenan institusi kewangan Malaysia. Pendedahan institusi kewangan terhadap sekuriti yang berkaitan dengan gadai janji subprima AS dan pinjaman kepada entiti yang terjejas olehnya hanya mencakupi 0.3% daripada modal asas sistem perbankan. Secara keseluruhan, tahap permodalan institusi kewangan di Malaysia terus kukuh sepanjang tahun 2007. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) sistem perbankan kekal melebihi 13% sepanjang tahun 2007, manakala nisbah margin kesolvenan penanggung insurans berada pada paras 120.6% pada akhir tahun, kedua-duanya melebihi keperluan pengawalseliaan minimum. Tambahan pula, asas-asas kestabilan jangka panjang terus bertambah kukuh dengan peningkatan keupayaan pengurusan risiko, tadbir urus dan kecekapan pengendalian operasi secara berterusan. Pasaran antara bank dan pasaran wang terus cair, dengan kadar antara bank terus stabil sepanjang tahun dan institusi perbankan mengekalkan penimbal mudah tunai yang secukupnya. Kedua-dua sistem pembayaran bernilai besar dan runcit berfungsi dengan cekap dan tidak mengalami sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2007. Kesemua keadaan tersebut telah membolehkan sistem kewangan Malaysia terus berfungsi dengan berkesan sepanjang tahun.

Jumlah pembiayaan yang disalurkan kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat 14.1% pada tahun 2007. Pelaburan swasta oleh sektor perniagaan terus teguh, manakala permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan juga terus kukuh, dengan pinjaman perumahan dan kemudahan pembiayaan sekuriti terkumpul masing-masing meningkat 5.9% dan

11.1%. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan meningkat dengan kukuh pada kadar 8.6%, sementara sekuriti hutang swasta terkumpul berkembang 15.2%. Dalam sektor insurans, penanggung insurans hayat telah mencatat pertumbuhan premium baharu sebanyak 6.1%, manakala perniagaan baharu takaful keluarga pula meningkat 15.8%, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan permintaan terhadap produk berkaitan pelaburan. Sektor insurans am juga telah mengekalkan momentum pertumbuhan positif walaupun pada kadar yang lebih sederhana, dengan peningkatan premium langsung kasar sebanyak 4.3%.

Risiko kredit terus kecil dan terkawal. Meskipun persaingan yang lebih hebat telah mengecilkan margin, disiplin kredit masih terpelihara. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih bertambah baik pada kadar 3.2%, iaitu tahap terendah dalam tempoh satu dekad, disokong oleh kutipan semula yang lebih tinggi dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar. Ciri-ciri struktur pembiayaan perumahan Malaysia memberikan insentif secukupnya kepada institusi perbankan untuk mengawal dan mengawasi kualiti portfolio pinjaman secara berterusan. Ini terbukti melalui peningkatan kualiti aset yang dilihat dalam segmen pembiayaan perumahan yang mencatat penurunan nisbah NPL kepada 7% pada tahun 2007 (2006: 8.7%). Pertumbuhan keseluruhan yang kukuh dalam sektor perniagaan, walaupun mengalami kelemahan eksport di sesetengah industri, telah menyumbang kepada kadar kegagalan membayar yang bertambah baik. Kadar NPL untuk sektor perniagaan bertambah baik kepada 7.9% pada tahun 2007, berbanding dengan 10.2% yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai belum diaudit awalan institusi perbankan berjumlah RM17.7 bilion bagi tahun 2007 (2006: RM12.9 bilion), sebahagian besarnya hasil daripada peningkatan kecekapan dan produktiviti yang diperoleh melalui usaha rasionalisasi berterusan dan pelaburan dalam teknologi, di samping pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan dan berasaskan fi lain yang lebih tinggi. Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga juga telah melaporkan lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bernilai RM15.3 bilion (2006: RM12.5 bilion), manakala perniagaan insurans am dan takaful am mengalami penurunan dalam keuntungan operasi kepada RM1.4 bilion (2006: RM1.5 bilion), disebabkan keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah berpunca daripada jualan kenderaan bermotor yang lembap dan tuntutan yang lebih tinggi.

Sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang teguh untuk menghadapi persekitaran luar yang mencabar dari segi keadaan kredit yang bertambah buruk, turun naik harga aset yang berterusan dan pembetulan dalam sistem kewangan global sebelum keadaan bertambah baik. Daya tahan ini disokong oleh kedudukan kewangan sektor isi rumah dan sektor korporat yang lebih kukuh. Sementara keupayaan membayar hutang oleh syarikat (berdasarkan sampel 100 syarikat tersenarai) tidak berubah dengan nisbah perlindungan faedah sebanyak 5.7 kali yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, syarikat-syarikat tersenarai telah mencatat pulangan aset dan ekuiti tertinggi sejak tahun 2000, iaitu masing-masing sebanyak 7% dan 13.9%. Ini akan menambah lagi penimbal kewangan, yang telah terkumpul oleh sektor perniagaan pada tahun-tahun yang lalu, untuk menghadapi cabaran yang mungkin disebabkan oleh permintaan eksport yang lemah, di samping harga bahan mentah dan tenaga yang terus tinggi pada tahun hadapan. Kedudukan

kewangan yang lebih kukuh dan paras keberhutangan yang bertambah baik bagi sektor isi rumah di samping keadaan pasaran pekerja yang baik meletakkan sektor ini pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menyesuaikan diri dengan kos saraan hidup yang lebih tinggi. Aset kewangan sektor isi rumah mengembang dengan kukuh sebanyak 15.1%. Nisbah aset kewangan sektor isi rumah kepada hutang bertambah baik kepada 217.8% (2006: 204.2%), manakala nisbah hutang sektor isi rumah kepada KDNK nominal menurun kepada 66.7% (2006: 69.3%).

Daya tahan sistem kewangan terus diperkukuh oleh peningkatan keupayaan menanggung risiko bagi institusi kewangan, yang berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh. Ujian ketahanan yang dijalankan oleh Bank telah mengesahkan kapasiti dan kebolehan sistem kewangan untuk menghadapi senario-senario yang buruk. Pada akhir tahun 2007, modal lebihan (melebihi keperluan pengawalseliaan) dalam sektor perbankan berjumlah RM38.5 bilion, menjadi penimbal kewangan yang kukuh untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami dengan kesan yang sedikit terhadap tahap permodalan. Dalam sektor insurans pula, lebihan kesolvenan sebanyak RM1.1 bilion akan dapat dikekalkan walaupun jika berhadapan dengan senario ekstrem kejatuhan harga ekuiti yang teruk.

Pelaksanaan rangka kerja kecukupan modal semakan – Basel II untuk institusi perbankan konvensional, Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam, dan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi penanggung insurans – akan terus memastikan keperluan modal pengawalseliaan adalah kukuh dan lebih sejajar dengan profil risiko khusus setiap institusi. Keperluan pengawalseliaan dan kehendak penyeliaan yang lebih kukuh, termasuk perpindahan kepada rejim

pengawalseliaan yang lebih berasaskan prinsip dan penilaian penyeliaan yang lebih terperinci dan menyeluruh di bawah rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (risk-based supervisory framework, RBSF), juga telah mempercepat penerapan amalan pengurusan risiko yang lebih baik oleh institusi kewangan.

Sistem pembayaran juga amat kukuh. Penipuan dalam sistem pembayaran runcit adalah sangat kecil dengan adanya inisiatif yang terus dijalankan oleh Bank, pengendali sistem pembayaran dan pihak berkuasa pengawalseliaan lain untuk menangani risiko ini. Risiko penyelesaian juga telah banyak berkurang ekoran penubuhan penghubung Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) dan Penyerahan semasa Pembayaran (Delivery versus Payment, DVP) dengan Hong Kong, yang memudahkan penyelesaian pembayaran dan sekuriti ringgit dan dolar AS secara serentak.

Pembangunan Sektor Kewangan

Pembangunan sektor kewangan kekal sebagai agenda penting untuk mengukuhkan asas-asas kestabilan jangka panjang dan pertumbuhan yang mampan. Sistem kewangan yang lebih pelbagai terus berkembang pada tahun 2007. Peranan pasaran modal sebagai sumber dana dan saluran untuk mempelbagaikan risiko telah menjadi semakin penting. Terbitan sekuriti hutang sepanjang tahun 2007 bertambah kepada RM302 bilion (dengan RM66.5 bilion daripadanya terdiri daripada sekuriti hutang swasta) yang merupakan peningkatan ketara sebanyak 65.3% berbanding dengan terbitan pada tahun 2006. Ini telah mempertingkatkan kecekapan dan pertumbuhan perniagaan, sementara mengalihkan tumpuan risiko kredit daripada sektor perbankan. Jumlah sekuriti hutang swasta sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman bank dan pembiayaan

kepada syarikat ialah 56.2% pada tahun 2007. Dasar pentadbiran pertukaran asing lebih liberal yang diperkenalkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini juga telah membawa kepada kadar pusing ganti urus niaga pertukaran asing oleh bukan pemastautin yang meningkat lebih sekali ganda berbanding dengan tahun lepas, lantas menyumbang kepada pembangunan pasaran pertukaran mata wang asing yang lebih aktif bagi menyokong pengurusan dedahan pertukaran mata wang asing dengan berkesan.

Bidang kewangan Islam semakin pesat membangun. Malaysia telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju terbitan sukuk, lantas menyumbang kepada pasaran modal domestik yang lebih luas dan mendalam. Pada akhir tahun 2007, sukuk yang diterbitkan di Malaysia merangkumi 68.9% daripada jumlah sukuk terkumpul global. Fleksibiliti tambahan dalam bidang percukaian, pentadbiran pertukaran asing, imigresen dan hak milik asing serta proses pengawalseliaan yang dipermudah juga diperkenalkan melalui inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC). Insentif-insentif ini bersama-sama dengan infrastruktur yang lebih menyeluruh serta kepelbagaian para peserta di Malaysia terus menarik minat asing dalam Malaysia sebagai pusat terbitan sukuk pilihan yang utama.

Struktur institusi sedia ada yang menyokong perniagaan kewangan Islam telah diperkukuh dengan nyata apabila dua bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan institusi perbankan domestik selebihnya yang mempunyai operasi jendela Islam, mengambil langkah untuk bertukar kepada subsidiari perbankan Islam sepenuhnya, lantas menyediakan platform lebih mantap dan khusus untuk

mengembangkan perniagaan ini. Peserta pasaran yang lebih pelbagai juga dicapai dengan kelulusan yang diberi kepada dua bank asing yang diperbadankan di Malaysia untuk menubuhkan operasi jendela Islam, sebuah bank Islam antarabangsa baharu serta dua pengendali takaful semula baharu. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyumbang kepada pembangunan kewangan Islam yang berterusan, Bank Negara Malaysia menubuhkan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) di bawah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) untuk menerajui penyelidikan dalam hal-hal Syariah, dijangka meluaskan pemahaman dalam bidang perbankan dan kewangan Islam baharu, menerajui pengharmonian dalam amalan berhemat dan menggalakkan pengiktirafan bersama pentafsiran Syariah, yang perlu untuk pembangunan jangka panjang kewangan Islam.

Satu cabaran utama yang dihadapi oleh sektor kewangan ialah persaingan yang semakin sengit untuk mendapatkan ahli profesional kewangan berkepakaran tinggi. Pada tahun 2007, perbelanjaan berkaitan kakitangan meningkat 13.2% lantas menyebabkan kos kakitangan purata bagi setiap pekerja meningkat kepada RM77,519 (2006: RM74,786). Walau bagaimanapun, peningkatan ini diiringi oleh kenaikan dalam produktiviti, seperti ditunjukkan oleh keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi yang dijana oleh setiap pekerja sebanyak RM168,094 (2006: RM131,785). Untuk memenuhi keperluan segera tenaga kerja mahir industri ini, Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan yang dibentuk oleh industri perkhidmatan kewangan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dilancarkan pada bulan November. Program ini bertujuan melengkapi siswazah

baharu dengan pengetahuan praktikal dan kemahiran yang perlu untuk mengisi lebih daripada 2,000 jawatan kosong yang ada kini pada peringkat kemasukan industri kewangan. Pelbagai inisiatif turut diambil sebagai pelengkap kepada pembangunan sumber pengajaran dan pembelajaran yang berkenaan, selaras dengan keperluan pasaran, selain untuk memperkukuh kesalinghubungan yang sedia ada dalam kalangan penyedia latihan.

Bank Negara Malaysia juga terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dan seimbang melalui penyertaan kewangan (akses kepada perkhidmatan kewangan bagi semua pihak). Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diluluskan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 34.3% kepada RM63.2 bilion pada tahun 2007. Inisiatif pembiayaan mikro yang diperkenalkan pada tahun 2006, menyaksikan pembiayaan terkumpul sebanyak RM224.7 juta lagi disalurkan oleh sembilan institusi kewangan kepada lebih daripada 22,000 akaun pelanggan pembiayaan mikro. Kedudukan kewangan Bank Pertanian Malaysia yang lebih kukuh dengan penambahan modal berbayarnya kepada RM1 bilion berikutan pengkorporatannya pada bulan Disember, akan membolehkan institusi kewangan pembangunan ini terus menyokong pertumbuhan sektor pertanian. Pengukuhan kedudukan kewangan bank ini melengkapi dua dana modal usaha niaga berjumlah RM300 juta yang ditubuhkan sebelum ini oleh Bank Negara Malaysia dan dua kumpulan perbankan lain, yang bertujuan untuk memodenkan amalan perkebunan, perikanan dan penternakan, selain untuk membiayai projek pertanian baharu berintensif teknologi, termasuk bioteknologi.

Rangkaian khidmat nasihat dan sokongan yang komprehensif buat PKS terus ditambah baik. Antara inisiatif baharu pada tahun 2007, termasuk penubuhan Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS sebagai platform bagi penasihat perniagaan PKS untuk berkongsi kepakaran, inisiatif untuk menubuhkan Biro Kredit PKS yang akan membantu penilaian kredit PKS oleh institusi kewangan, dan juga perluasan Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas kepada PKS. Melangkah ke hadapan, Agensi Penyelarasan Pusat PKS akan ditubuhkan sebagai agensi Kerajaan tunggal khusus untuk menerajui pembangunan PKS merentas semua sektor ekonomi di bawah satu strategi nasional yang terlaras.

Rangka kerja pembelaan dan perlindungan pengguna telah ditingkatkan lagi dengan pelancaran BNMTELELINK pada bulan Julai 2007, untuk menjadi pelengkap kepada saluran yang sedia ada untuk orang ramai mendapatkan maklumat dan bantuan berkaitan dengan perkhidmatan kewangan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga terus memainkan peranan yang penting dalam usaha membantu orang perseorangan menguruskan hutang. Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, AKPK telah berjaya membantu lebih daripada 5,000 orang yang menanggung hutang sebanyak RM478 juta melalui program pengurusan hutangnya.

Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos sistem pembayaran, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk menambah baik infrastruktur pembayaran, menggalakkan penggunaan teknologi baharu dan menyediakan sokongan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk berpindah kepada sistem pembayaran secara elektronik. Satu inisiatif utama pada tahun 2008 ialah pelaksanaan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (eSPICK), iaitu proses

penjelasan cek berasaskan imej sepenuhnya, yang akan mempercepat penerimaan wang oleh benefisiari di samping menjimatkan kos pengendalian dan pengangkutan cek secara fizikal yang tidak diperlukan lagi. Proses ini akan mempercepat penerimaan dana oleh benefisiari kepada satu hari perniagaan berbanding dua hingga lapan hari perniagaan pada masa ini.

Beberapa inovasi pembayaran dan aplikasi pembayaran elektronik telah diperkenalkan pada tahun 2007. Ini termasuk perkhidmatan pemindahan wang antarabangsa antara telefon bimbit yang pertama dan perkhidmatan pengiriman wang melalui telefon bimbit dengan menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS), kedai pengendali rangkaian telefon bimbit dan kad prabayar. Pada peringkat yang lebih luas, penerimaan pakai aplikasi pembayaran elektronik oleh Kerajaan telah menyumbang kepada peningkatan pesat dalam perpindahan kepada sistem pembayaran elektronik dalam ekonomi. Langkah Kerajaan ini adalah penting dari segi strategi bagi menggalakkan penggunaan dan penerimaan pembayaran secara elektronik dengan lebih meluas di negara ini. Nilai urus niaga pembayaran Kerajaan yang dibuat melalui saluran elektronik meningkat dengan nyata pada tahun 2007, iaitu hampir tiga kali ganda, daripada RM16.7 bilion pada tahun 2004 kepada RM64.9 bilion.

Secara keseluruhan, bilangan urus niaga yang dibuat melalui semua saluran dan kaedah pembayaran elektronik bertambah pada tahun 2007. Urus niaga pembayaran elektronik per kapita meningkat kepada 32.5 urus niaga pada tahun 2007 berbanding dengan 13.8 urus niaga pada tahun 2003. Kenaikan ini paling ketara dalam penggunaan kad pembayaran, yang sebahagian besarnya dalam

bentuk wang elektronik. Wang elektronik mencakupi hampir separuh daripada jumlah urus niaga pembayaran elektronik disebabkan terutamanya oleh kesenangan dan kemudahan penggunaan kad *Touch 'n Go* untuk tujuan pembayaran dalam sektor pengangkutan. Pertumbuhan yang nyata juga dicatat dalam saluran pembayaran lain seperti GIRO Antara Bank MEPS, sistem Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX), perbankan Internet dan perbankan mudah alih (mobile banking). Pelaksanaan Hala Tuju bagi Perpindahan kepada Pembayaran Secara Elektronik yang telah dimuktamadkan pada tahun 2007, akan terus memperkukuh trend ini.

Keutamaan pada Tahun 2008

Tumpuan pada tahun 2008 adalah pada pengawasan berkesan, pembangunan institusi dan pembangunan infrastruktur pasaran kewangan. Pembangunan sistem kewangan Islam dan pasaran pertukaran mata wang asing akan diteruskan untuk memperlengkap komponen lain sistem kewangan. Dalam bidang pengawasan, peningkatan berterusan akan dibuat terhadap struktur pengawasan dan penyeliaan makro Bank. Tumpuan akan diberikan kepada pengukuhan rangka kerja pengurusan krisis dan peningkatan selanjutnya terhadap alat pengawasan Bank, khususnya untuk membolehkan pendekatan yang lebih bersepadu dan prediktif dalam aktiviti penilaian risiko.

Dalam menggalakkan sistem kewangan yang lebih efisien dan kompetitif, pertimbangan untuk memastikan pertumbuhan adalah menyeluruh akan diambil kira. Dalam hal ini, usaha penyertaan kewangan akan terus dijuruskan ke arah

menyokong akses kepada kewangan bagi PKS dan termasuk perusahaan mikro, yang akan menjadi lebih penting dalam ekonomi negara.

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2008